

IZR akan ambil tindakan

Dakwaan jalankan aktiviti lombong pasir cemar imej syarikat

SHAH ALAM - IZR Construction & Enterprise (IZR) menafikan dakwaan Pengerusi Konsortium Pengusaha-pengusaha Pasir Melayu Selangor Sdn Bhd, Tengku Datuk Shaifulliazan Tengku Zainal Abidin, bahawa aktiviti perlombongan pasir secara haram sedang berlangsung tanpa kelulusan di Sungai Damansara, di bawah jejambat Lebu Raya Bukit Jelutong - KLIA.

Pengarah IZR, Zamzuri Tawil berkata, pihaknya akan mengambil tindakan tegas untuk menebus ganti rugi daripada Tengku Datuk Shaifulliazan kerana mencemarkan nama baik beliau dan reputasi syarikatnya.

"Saya membantah kenyataan tidak bertanggungjawab dan berniat jahat itu malah ia tidak tepat dan mengelirukan bukan sahaja tanda seorang yang terdesak tetapi untuk mendapatkan publisiti murahan dan perhatian media," katanya.

Zamzuriberkata, pihaknya bertanggungjawab membetulkan tuduhan tidak berasas oleh Konsortium Pengusaha-Pengusaha Pasir Melayu Selangor Sdn Bhd memandangkan IZR diberikan kontrak untuk melakukan aktiviti tebatan banjir dan bukan perlombongan pasir.

"Ini adalah projek 'Tebatan Banjir' di bawah Jabatan Pengairan dan

Lombong pasir undang bahaya

Kerajaan Negeri digesa segera turun padang

SHAH ALAM - Konsortium Bertindak Pengusaha-Pengusaha Pasir Melayu Selangor meminta supaya pihak bertanggungjawab mengambil tindakan sewajarnya terhadap aktiviti perlombongan pasir di susur keluar Batu Tiga di Lebuhraya Baru Lembah Klang (NKVE) se-

ralatan mengorak pasir yang tidak sepatutnya dilakukan di kawasan dalam yang berbalak kepada struktur tiang yang menjadi sokongan kepada jambatan itu, ia sekaligus mengunyah risiko kepada pengguna lebuhraya," kata

■ **Keratan akhbar isu lombong pasir 25 Disember lalu.**

Saliran Malaysia (MSC). Skop kami mendalami lembangan dan melebarkan tepi sungai tersebut untuk mengelakkan banjir semasa musim hujan.

"Selepas kami memulakan kerja-kerja mengorek,

kami menjumpai pelbagai bahan seperti pasir, batu, plastik, kertas dan botol. Aktiviti kami juga diawasi jurutera Jabatan Pengaliran dan Saliran," katanya.

Beliau berkata, menurut seorang jurutera

PLUS, aktiviti pengorekan yang dilakukan oleh IZR tidak menjejaskan struktur jejambat tersebut.

"Kenyataan Tengku Datuk Shaifulliazan mencemarkan nama syarikat. Kami tidak akan menerima, membiarkan atau bertolak-ansur terhadap tindakan seperti ini. Kami akan mengambil tindakan sewajarnya terhadap individu dan organisasi yang mengeluarkan kenyataan tidak berasas," katanya.

24 Disember lalu, Jawatankuasa Bertindak Pengusaha-Pengusaha Pasir Melayu Selangor (JBPPPMs) mendakwa aktiviti perlombongan pasir di kawasan itu dipercayai dilakukan secara haram.